

05 OCT 2001

Najib-Perang

MALAYSIA TETAP TENTANG SERANGAN OLEH AMERIKA

SHAH ALAM, 5 Okt (Bernama) -- Malaysia tetap menentang tindakan Amerika Syarikat menyerang mana-mana negara yang disyaknya melindungi pengganas, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib berkata, pendirian Malaysia seperti yang dijelaskan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah amat jelas dan mahu negara itu menumpukan usahanya dalam memburu pengganas sahaja dan bukan menyerang mana-mana negara.

"Malaysia tetap akan menentang sebarang perang yang akan dilancarkan oleh Amerika dan pendiriannya amat jelas bahawa Amerika tumpukan usahanya hanya pada memburu dan membanteras pengganas," katanya.

Najib berkata demikian kepada pemberita pada persidangan media selepas memakaikan Pangkat Tauliah Kolonel Kehormat Rejimen 502 Askar Wataniah kepada Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohd Khir Toyo di satu majlis di sini, hari ini.

Selain itu katanya, Malaysia juga telah menjalin kerjasama dengan banyak pihak di peringkat antarabangsa dalam usaha membanteras kegiatan militan terutamanya daripada segi pertukaran maklumat.

Ditanya sama ada rantau ini termasuk Malaysia akan merasai kesannya jika Amerika menyerang Afghanistan, Najib berkata ia tidak akan merebak ke sini kerana tumpuannya hanya pada kawasan berkenaan sahaja.

Sementara itu daripada segi keselamatan negara, Najib berkata keadaan terjamin sebab Malaysia mampu menangani sebarang ancaman daripada mana-mana pihak sama ada puak militan dari dalam mahupun dari luar negara.

"Jadi tidak ada sesiapa yang harus mempersoalkan kemampuan kita dalam hal ini," katanya.

Najib berkata bahawa Malaysia juga telah banyak berusaha secara diam-diam untuk membantu mengatasi ketegangan ataupun ancaman peperangan di selatan Filipina dan usaha Malaysia ini nampaknya berjaya mengurangkan ancaman keselamatan di negara itu.

"Maka secara tidak langsung Malaysia telah menyumbang ke arah mengurangkan tindakan yang boleh diambil oleh kumpulan militan dan pengganas di negara itu khususnya dan rantau ini amnya," katanya.

Ketika menjawab soalan lain, Najib berkata Malaysia bersedia menimbangkan permintaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk menjadi pasukan pengaman di mana-mana negara jika peranannya akan menyumbang ke arah keamanan.

Tetapi katanya, ia tertakluk kepada kemampuannya serta sama ada Malaysia akan menerima keputusan Majlis Keselamatan PBB.

Mengenai penyertaan Amerika di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA), Najib berkata negara itu hanya menarik balik penyertaan pesawat tentera udaranya dan bukannya tarik diri sama sekali daripada LIMA.

-- BERNAMA

KM PR